

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL
AZIZ [PASIR MAS - PAS]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2014 (SELASA)

SOALAN (NO. 42)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan untuk membendung keganasan penyokong bola sepak yang dilihat terus menerus berleluasa.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keganasan penyokong bolasepak boleh berlaku atas beberapa sebab berikut: -
 - a. Tidak puas hati dengan penjualan/pengagihan tiket;
 - b. Provokasi sama ada dari penyokong tuan rumah atau dari penyokong pasukan pelawat;
 - c. Kelemahan pengadilan perlawanan menyebabkan penyokong tidak puas hati;
 - d. Tidak puas hati dengan pengurusan pasukan dan prestasi pasukan itu sendiri.

2. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Persatuan Bolasepak Malaysia adalah memperkenalkan penjualan tiket atas talian untuk mengelakkan dari sebarang kekecohan berlaku apabila penjualan dibuat di stadium. Ianya turut digalakkan kepada pasukan Negeri serta Kelab dengan mengambil langkah yang serupa. Persatuan Bolasepak Malaysia dengan kerjasama Persatuan Bolasepak Negeri telah mengambil langkah-langkah mengasingkan penyokong pasukan tuan rumah dan penyokong pasukan lawan serta memberi penekanan aspek keselamatan *venue* dan kawalan keselamatan yang lebih efektif.

3. Jabatan Pengadilan sentiasa memberi perhatian berat ke atas meningkatkan pengetahuan pengadil yang sedia ada dengan menganjurkan kursus-kursus dari semasa ke semasa. Pemilihan

pengadil di setiap perlawanan ditapis sebaik mungkin dan pengadil yang dipilih perlu lulus tahap kecergasan ditetapkan.

4. Pihak FAM dan Persatuan Bolasepak Negeri sentiasa berhubung dan bekerjasama rapat dengan pihak PDRM untuk menjamin keselamatan termasuk pertukaran maklumat berhubung sebarang ancaman atau rancangan untuk menimbulkan masalah dari mana-mana pihak. Dalam hal ini pihak Persatuan Bolasepak Malaysia sekadar menjadi perantara dengan pihak PDRM yang mempunyai kuasa mutlak dalam urusan keselamatan.
5. Persatuan Bolasepak Malaysia telah mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan bahawa semua Persatuan Bolasepak Negeri mematuhi semua aspek keselamatan yang ditetapkan. Namun begitu kerjasama sepenuhnya dari pihak PDRM amat diperlukan bagi menjamin keselamatan penonton yang datang menyaksikan perlawanan bolasepak.

Sekian, terima kasih.